

KUBELA

HM 16/08/23 ms 35,36

'SAINTIS' IKAN LAGA

Berbekal ilmu menerusi internet serta guna teknik 'cuba serta jaya' buatkan hasil apabila peliharaan membiak hingga 800 ekor

FOKUS

Oleh Nor Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Bermula sekadar hobi memelihara ikan arowana selama beberapa tahun, kemudian lelaki ini beralih kepada memelihara ikan laga.

Bukan setakat itu, kali ini Ahmad Amirul Aizat Ab Ghafar, 36, lebih ke hadapan yang mana dia bertindak seperti 'saintis' ikan.

Pada peringkat awal, ikan laga peliharaannya dibiakkan sendiri hasil ilmu

yang dipelajari menerusi internet dan kemudian menggunakan teknik 'cuba serta jaya'.

Bagaimanapun, usaha Ahmad Amirul Aizat membuahkan hasil apabila ikan laga peliharaannya membiak hingga 800 ekor.

Menurutnya, pembiakan ikan laganya adalah berasal daripada ikan laga moden koral yang biasa disilang hingga menghasilkan spesies ikan laga moden memiliki corak dan warna cantik.





IKAN laga yang dibiakkan.



AHMAD Amirul Aizat menunjukkan anak ikan laga yang terhasil selepas proses pembiakan.

Seelok-eloknya memberi ikan laga makan sekali sehari dengan anggaran tujuh hingga lapan biji palet

AHMAD AMIRUL AIZAT

ASING IKUT SPESIES

DARI MUKA 35

"Kebiasaannya spesies ikan laga moden dan hibrid ini memiliki corak berbeza, warna lebih menarik serta berbeza daripada induk.

"Tarikan ikan laga ialah pada warna dan bentuk yang menarik serta sirip mengembang seperti hendak bertarung," katanya.

Katanya, penjagaan ikan laga adalah lebih mudah berbanding ikan hiasan lain, tetapi perlu mengikut beberapa tip untuk memastikan ikan ini kekal aktif.

"Tip pertama ialah tidak mencampurkan ikan laga daripada spesies berbeza dalam satu bekas kerana ia akan bergaduh hingga salah seekor mati atau mengalami kecederaan teruk.

"Tip kedua adalah memastikan saiz bekas untuk meletakkan ikan laga bersesuaian dan tidak sempit.

"Manakala tip ketiga pula menggunakan air sesuai iaitu air tapis atau air bebas klorin untuk memelihara ikan laga.

"Seterusnya tip keempat ialah menukar air tiga hari sekali. Tujuannya bagi memastikan ikan sentiasa sihat dan tidak

berpenyakit," katanya.

Ahmad Amirul Aizat berkata, untuk makanan ikan laga jenis palet disarankan kandungan protein kurang daripada 40 peratus kerana dapat mengurangkan masalah penghadaman.

"Seelok-eloknya memberi ikan laga makan sekali sehari dengan anggaran tujuh hingga lapan biji palet.

"Ada tiga jenis penyakit yang lazimnya dialami ikan laga. Pertama ialah 'valvet' iaitu terdapat bintik warna keemasan pada badan ikan.

"Jenis penyakit kedua adalah ekor kucup yang selalunya berpunca daripada masalah air

seperti air berkarat.

"Jenis penyakit ketiga ialah bintik putih pada badan ikan yang berpunca daripada jangkitan bakteria. Jika tidak dirawat boleh menyebabkan kematian," katanya.

Menurutnya, ikan laga juga boleh mengalami masalah kembung perut, 'swimming bladder' dan 'dropsy' iaitu pengumpulan cecair luar biasa dalam rongga ikan.

"Penyakit ini (dropsy) jarang berlaku, tetapi boleh membunuh ikan dalam diam," katanya.

Menyentuh harga ikan laga dalam pasaran pula dia berkata, harga

ikan berkenaan tinggi pada 2018 hingga tahun lalu yang mana seekor ikan laga jantan boleh mencecah sehingga RM2,000.


"Saya aktif menyertai pertandingan ikan laga dan penyertaan paling banyak ialah pada 2018 serta merangkul banyak kemenangan.

"Selain itu juga memenangi pertandingan ikan laga peringkat antarabangsa di Indonesia, Singapura dan Hong Kong.

"Ikan yang saya biakkan dijaga dengan baik supaya cantik untuk pertandingan. Selepas itu saya mempertimbangkan ikan berkenaan untuk dijual kepada pembeli yang berminat," katanya.

Tidak campur dalam bekas sama antara tip pastikan ikan laga kekal aktif

MENUKAR bekas ikan laga.



ANAK ikan laga.